



JURNAL BAHASA, SASTERA DAN BUDAYA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/rentas>

How to cite this article:

Hasmidar Hassan, Muhammad Zuhair Zainal & Siti Ifwah Fauzani Chuchu. (2024). 'Memandangkan' sebagai kata hubung dalam bahasa Melayu berdasarkan perspektif nahu preskriptif dan deskriptif. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 3, Julai, 2024. 141–160. <https://doi.org/10.32890/rentas2024.3.7>

‘MEMANDANGKAN’ SEBAGAI KATA HUBUNG DALAM BAHASA MELAYU BERDASARKAN PERSPEKTIF NAHU PRESKRIPTIF DAN DESKRIPTIF

(‘Memandangkan’ as conjunction in Malay Language from a Prescriptive and Descriptive Grammar Perspective)

¹Hasmidar Hassan, ²Muhammad Zuhair Zainal,

³Siti Ifwah Fauzani Hj Chuchu

^{1&3}Fakulti Sastera dan Sains Sosial,

Universiti Brunei Darussalam, BE1410, Brunei Darussalam

²Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan,

Universiti Sains Malaysia, Malaysia

¹*Corresponding author* : hasmidar.hassan@ubd.edu.bn

Received: 25/4/2024 Revised: 2/5/2024 Accepted: 23/5/2024 Published: 16/7/2024

ABSTRAK

Kata hubung dalam bahasa Melayu merupakan jenis kata yang sudah mantap dari segi bentuk dan fungsinya dalam ayat. Sebagai subjenis kata tugas, kata hubung tidak mendukung makna dan tidak boleh menjadi inti bagi frasa endosentrik juga. Kata hubung hanya mendukung fungsi atau tugas dalam binaan sintaksis, iaitu sebagai penghubung frasa atau klausa dan membentuk ayat yang berlapis. Walaupun bilangan dan bentuk kata hubung ini sudah mantap (dengan

merujuk buku Tataahasa Dewan Edisi ketiga, 2010), namun, terdapat golongan kata lain yang secara jelas digunakan dengan meluas sebagai kata hubung dalam ayat oleh penutur bahasa Melayu. Hal ini ternyata menimbulkan persoalan dan memerlukan penjelasan yang bersifat empiris dan objektif bagi mengelakkan kekeliruan pada golongan pelajar khususnya dan pengguna bahasa amnya. Oleh itu, dengan menggunakan korpus yang dijana daripada pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka, makalah ini membincangkan dengan lebih lanjut bentuk kata ‘memandangkan’ yang digunakan sebagai penghubung dalam ayat oleh penutur bahasa Melayu bagi membentuk ayat majmuk keterangan. Dengan menggunakan pendekatan nahu preskriptif dan deskriptif, penggunaan kata ‘memandangkan’ sebagai penghubung dalam ayat diharapkan dapat dijelaskan dengan munasabah dan berpadu. Satu keputusan perlu dibuat bagi menetapkan kata ‘memandangkan’ sebagai jenis kata hubung tambahan atau sebaliknya berasaskan data korpus yang diperolehi kerana dapatan ini akan memberikan implikasi yang besar terhadap pengajaran dan pembelajaran kata hubung di sekolah dan dalam konteks penggunaan oleh orang awam juga.

Kata kunci: Kata hubung, nahu, deskriptif, preskriptif, korpus.

ABSTRACT

Conjunctions in Malay language are a type of word that serves as a link between phrases or clauses in a sentence. They are a subtype of function words and do not carry any meaning. Unlike nouns or verbs, conjunctions cannot be the core of endocentric phrases. The number and form of these conjunctions are well established and can be found in Tataahasa Dewan Edisi third edition, 2010. However, there are other groups of words that are widely used as conjunctions in Malay sentences, which can be confusing for language learners. To address this issue, this paper examines the use of the word ‘memandang’ as a conjunction in a sentence by Malay speakers to form a compound sentence. The Dewan Bahasa dan Pustaka corpus database is used to generate a corpus, and a prescriptive and descriptive approach is employed to explain the use of the word ‘memandangkan’ as a conjunction in the sentence. The findings of this study will have great implications for the teaching and learning of conjunctions in schools and for the general public. A decision needs to be made as to whether

the word ‘memandang’ should be designated as an additional type of conjunction based on the corpus data obtained.

Keywords: *Conjunction, grammar, descriptive, prescriptive, corpus.*

PENGENALAN

Aspek kata hubung telah agak banyak dibincangkan dalam penulisan tesis peringkat sarjana, doktor falsafah dan juga makalah dalam jurnal. Namun, kebanyakan perbincangan tertumpu pada makna kata hubung yang diimplikasikan oleh kata hubung berdasarkan penggunaannya dalam ayat dan juga penggunaan kata hubung yang salah dalam ayat bahasa Melayu oleh pelajar (Nurul Huda Mohd Saad & Nor Hashimah Jalaluddin, 2020). Sehingga kini, belum ada kajian yang menyentuh penggunaan golongan kata lain yang berfungsi sebagai penghubung dalam ayat. Berdasarkan pemerhatian awal terhadap penulisan penutur bahasa Melayu dan juga data korpus, didapati bahawa selain kata hubung yang ditetapkan oleh *Tatabahasa Dewan* (2010), terdapat kata lain, iaitu ‘memandangkan’ yang digunakan sebagai penghubung dalam ayat oleh penutur bahasa Melayu.

Oleh itu, timbul satu persoalan yang memerlukan penjelasan lanjut tentang golongan kata ini kerana ‘memandangkan’ tidak disenaraikan atau dikelaskan oleh mana-mana buku tatabahasa sebagai kata hubung gabungan mahupun kata hubung pancangan. Sebaliknya, kata ‘memandangkan’ secara jelas merupakan golongan kata kerja terbitan yang terbentuk daripada kata akar ‘pandang’. Atas alasan ini, makalah ini diketengahkan untuk membincangkan dengan lebih perinci penggunaan kata ‘memandangkan’ dan memberikan penjelasan daripada perspektif nahu preskriptif dan deskriptif tentang penggunaan kata ‘memandangkan’ sebagai penghubung dalam binaan sintaksis oleh penutur bahasa Melayu.

SOROTAN LITERATUR

Kajian tentang kata hubung (*conjunctions*) di Barat sudah agak banyak dilakukan dan antara kajian awal tentang kata hubung yang signifikan ditulis oleh Carston (1988; 1992; 1994; dan 2002) tentang kata hubung ‘*and*’ berlandaskan teori Relevans. Berdasarkan permasalahan

yang diketengahkan, Carston telah mengusulkan dapatan baharu berdasarkan satu pendekatan yang lebih mudah, iaitu pendekatan semantik dan pendekatan pragmatik. Menurut Carston, berdasarkan pendekatan ini, diandaikan bahawa kata hubung ‘and’ dalam suatu ayat majmuk mengandungi ujaran tunggal. Oleh itu, ia mendukung andaian relevans optimum secara keseluruhannya. Sekiranya ayat majmuk ini dipisahkan tanpa menggunakan kata hubung, maka ayat-ayat tunggal ini mempunyai dua unit pemproses yang masing-masing mendukung andaian secara tersendiri.

Kajian tentang kata hubung dalam konteks wacana juga dibincangkan dengan serius oleh Blakemore (1985; 1987; 1988; 1989; 2000; 2003; 2005). Blakemore telah mengetengahkan persoalan kata hubung berdasarkan idea asas teori Relevans tentang komunikasi di samping memperkenalkan idea bahawa kata hubung mengekod maklumat bertatacara (*procedural*) dan bukannya maklumat konsep (*conceptual*). Bagi teori Relevans, dalam mana-mana komunikasi, penutur tentu berhajat menyampaikan ujaran dengan cara yang mudah difahami dengan sebaik mungkin dan pendengar boleh menginterpretasi setiap ujaran dengan andaian bahawa penutur telah cuba memberikan kesan kognitif yang mencukupi bagi membolehkan pendengar memproses dengan cara semimumimum mungkin. Bagi Blakemore, kata hubung telah mengekang kerelevanan proposisi yang disampaikan dan ujaran yang mengandungi kata hubung ini mesti diinterpretasi sebagai implikasi kontekstual, yang membantu pendengar membentuk hubungan inferens.

Selain Carston dan Blakemore, Blass juga cenderung mengkaji kata hubung dalam bahasa Sissala dalam siri makalahnya yang memfokuskan kata hubung ‘and’. Misalnya, beliau menulis ‘*Grammaticalisation of Interpretive Use: The Case of re in Sissala.*’ pada tahun 1989a, ‘*Pragmatic Effects of Coordination: The Case of “and” in Sissala*’ pada tahun 1989b, dan ‘*Are There Logical Relations in a Text?*’ pada tahun 1993. Penulisannya ini berasaskan tesis peringkat kedoktoran yang bertajuk ‘*Discourse Connectivity and Constraints on Relevance in Sissala*’ (1988).

Rouchota (1989; 1990; 1996; 1998), Iten (1997; 1998; 1999; 2000; 2002; 2003), dan Higashimori (1992; 1992b; 1995a; 1995b; 1997; 2003) merupakan antara pengkaji yang prolifik yang mengkaji kata hubung dalam bahasa-bahasa ibunda mereka sendiri. Rata-rata

pengkaji ini mengkaji fungsi kata hubung dalam konteks wacana atau komunikasi dari sudut pragmatik. Mereka berpendapat bahawa kata hubung mengekang proses penginterpretasian dengan cara memandu pendengar ke arah kesan kontekstual dan konteks yang dihayati. Kata-kata hubung ini dikatakan mendukung makna prosedural dan mengekod maklumat tentang bagaimana representasi ayat harus digunakan untuk membuat inferens.

Penulisan tentang kata hubung di Malaysia pula banyak tertumpu pada pemerian golongan kata ini dari segi fungsinya dalam binaan ayat dalam buku tatabahasa oleh penulis seperti Nik Safiah Karim et al. (2010), Asmah Hj Omar (2015), dan Abdullah Hassan (1993; 1994). Pemerian tentang kata hubung seperti ini diakui terbatas pada konteks yang terhad kerana pemerian yang diberikan oleh penulis dalam buku tatabahasa ini tidak boleh disamakan dengan pemerian yang berasaskan satu kajian bahasa yang mengkhusus pada beberapa persoalan yang berkait dengan penggunaan kata dalam binaan ayat.

Kajian tentang kata hubung khususnya kata hubung gabungan dalam konteks penggunaan pula telah menarik perhatian Mohd Ra'in Shaari (2003). Dalam makalah yang bertajuk 'Kata Hubung Gabungan', beliau telah meneliti penggunaan kata hubung *dan* dan *tetapi* secara ringkas dari segi sintaksis dan semantik (namun, teori yang menjadi landasan kajian tidak dinyatakan penulis ini). Tiga sampel yang dipilih ialah *Sulalatus Salatin* (1986) yang mewakili zaman klasik, dan *Mingguan Malaysia* (20 Januari 2003) serta *Berita Harian* (25 Februari 2003) yang mewakili zaman moden. Berdasarkan data tersebut, beliau membincangkan fenomena penggunaan kata hubung *dan* dan *tetapi* pada pangkal ayat yang banyak digunakan oleh penutur jati bahasa Melayu selain menegaskan bahawa kedua-dua kata hubung ini mempunyai makna yang tertentu juga dari sudut semantiknya. Selain itu, Hasmidar Hassan (2006; 2011), Hasmidar Hassan dan Siti Nadhirah Abd Ghani (2020), serta Adila Buhari dan Hasmidar Hassan (2021) turut mengetengahkan kajian tentang kata hubung 'dan', 'tetapi' dan kata hubung berkait 'bukan sahaja' dan 'tetapi' dari segi fungsi dan makna yang diimplikasikan oleh kata hubung ini berdasarkan konteks penggunaannya. Kajian ini menunjukkan bahawa kata hubung bukan sahaja mendukung fungsi sebagai penghubung frasa atau klausa dan membentuk ayat majmuk gabungan malahan kata hubung turut mengimplikasikan maksud yang tertentu berdasarkan kehadirannya dalam struktur ayat. Beliau turut

menyokong usul yang diketengahkan Blakemore (1989) bahawa kata hubung mendukung makna prosedural yang mengekang interpretasi ujaran dan membolehkan pendengar/pembaca memproses ujaran dengan kos memproses yang rendah dan mencapai kesan kognitif yang tinggi. Walaupun kata hubung tidak mendukung makna kamus atau makna kognitif yang tertentu seperti golongan kata lain, namun kata hubung dapat menjadi peranti yang ostensif yang memandu pembaca untuk menginterpretasi sesuatu ujaran dengan lebih mudah.

Kajian tentang kata hubung yang disoroti ini menunjukkan bahawa rata-rata penulis sebelum ini mengkaji golongan kata hubung secara khusus dari segi fungsinya dalam ayat atau ujaran dan bukannya golongan kata lain yang berfungsi sebagai penghubung. Dalam konteks penulisan makalah ini pula, persoalan yang timbul adalah berbeza kerana yang ingin dibincangkan ialah mengapakah ‘memandangkan’ yang jelas sekali bukan golongan kata hubung digunakan secara meluas sebagai penghubung dalam ayat bahasa Melayu oleh penutur bahasa Melayu? Oleh itu, satu penjelasan yang berpeda perlu diketengahkan agar penggunaan yang salah ini dapat dibetulkan atau penggunaan ini diterima dalam konteks sistem bahasa Melayu atas dasar penggunaannya yang lazim.

KAEDAH KAJIAN

Oleh sebab makalah ini bertujuan untuk membincangkan penggunaan kata ‘memandangkan’ dengan meletakkan kepentingan perbincangan aspek ini dalam konteks pengajaran dan pembelajaran ratusan ribu pelajar di institusi pendidikan menengah dan tinggi serta pengguna awam amnya, maka data yang dijana dari pangkalan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka akan dicerakin berlandaskan penggolongan kata hubung oleh Nik Safiah Karim et al. (2010) yang mewakili pendekatan preskriptif (yang menjadi rujukan utama dalam pengajaran di institusi pendidikan di Malaysia) dan penggolongan kata oleh Asmah Hj Omar (2015) yang lebih bersifat fungsional dan mewakili pendekatan deskriptif. Penjelasan yang munasabah dan berpeda perlu diketengahkan kerana penggunaan ‘memandangkan’ sebagai kata hubung sebenarnya memberikan impak terhadap pengajaran dan pembelajaran golongan kata ini khususnya dan nahu bahasa Melayu amnya (Aminnudin Saimon & Nor Aisyah Hafiza Tazudin, 2022).

Pemerian Kata Hubung oleh Nik Safiah Karim et al., (2010) dan Asmah Hj Omar (2015)

Nik Safiah Karim et al. (2010, hlm. 239) mengatakan, kata penyambung ayat ialah kata hubung, iaitu sejumlah perkataan yang bertugas menghubungkan dua binaan ayat atau lebih sehingga menjadi satu bentuk ayat yang berlapis, yang dikenali sebagai ayat majmuk. Terdapat dua jenis kata hubung mengikut pengelasan Nik Safiah Karim et al. (2010, hlm. 239), iaitu kata hubung gabungan dan kata hubung pancangan. Kata hubung gabungan ialah jenis kata yang menghubungkan dua klausa atau lebih yang sama tara sifatnya. Ayat yang terbentuk yang menggunakan kata hubung gabungan ini disebut ayat majmuk gabungan. Kata hubung pancangan pula ialah kata hubung yang menyambung klausa tak setara atau klausa pancangan pada klausa utama atau klausa induk. Kata hubung pancangan pula dibahagikan pula kepada tiga jenis, iaitu kata hubung pancangan relatif, kata hubung pancangan komplemen dan kata hubung pancangan keterangan. Kata hubung pancangan relatif ialah perkataan yang berfungsi menghubungkan klausa utama dengan klausa yang kecil yang lain. Bentuk kata hubung ini ialah 'yang'. Kata hubung pancangan komplemen berfungsi untuk menghubungkan klausa yang menjadi komplemen atau pelengkap pada klausa utama. Dua contoh kata komplemen yang sering digunakan ialah 'bahawa' dan 'untuk'. Kata hubung pancangan keterangan pula berfungsi menghubungkan klausa yang menjadi keterangan bagi klausa utama. Antara kata hubung pancangan keterangan ialah 'kerana', 'sekiranya', 'kalau', 'hingga', 'sementara', 'ketika', 'walaupun' dan 'agar'.

Asmah (2015) memberikan maksud kata hubung sebagai kata yang menghubungkan dua kata, frasa atau klausa. Kata penghubung boleh dibahagikan kepada dua jenis berdasarkan jenis klausa yang dihubungkan, iaitu kata penghubung setara dan kata penghubung tak setara. Kata penghubung setara menghubungkan dua unsur yang setara sifatnya. Bagi menghubungkan klausa, klausa yang dihubungkan merupakan klausa utama. Dalam bahasa Melayu, ada beberapa kata dan frasa penghubung setara, iaitu 'dan', 'tetapi', 'atau', 'serta', 'seraya', 'walhal', dan 'manakala'. Penghubung tak setara pula ialah kata penghubung yang terdapat dalam klausa subordinat yang berfungsi dalam ayat induk. Menurut Asmah (2015), kata penghubung tak setara dibahagikan kepada subgolongan yang selaras dengan subgolongan adverba.

Pemerian tentang kata hubung oleh para sarjana bahasa seperti yang tersebut di atas membolehkan satu kesimpulan tentang kata hubung dibuat, iaitu kata hubung ialah kata yang menghubungkan dua atau lebih frasa atau klausa yang setara sifatnya atau yang tak setara sifatnya. Bagi membincangkan fungsi ‘memandangkan’ sebagai penghubung atau tidak, maka pemerian kedua-dua tokoh bahasa ini tentang kata hubung dijadikan asas analisis dan perbincangan selanjutnya.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bagi memperlihatkan penggunaan ‘memandangkan’ sebagai penghubung yang sangat lazim dan ketara dalam ayat bahasa Melayu oleh pengguna bahasa Melayu, maka sekian banyak ayat yang menggunakan ‘memandangkan’ ini telah dijana daripada korpus digital pangkalan data Dewan Bahasa dan Pustaka. Berdasarkan 10 peratus daripada jumlah teks yang ditandai (teks akhbar, buku dan majalah) sebanyak 1180 data yang dijana menunjukkan penggunaan ‘memandangkan’ sebagai penghubung dalam ayat. Namun, untuk tujuan perbincangan dalam makalah ini, hanya 5 ayat dikemukakan bagi memperlihatkan tingkah laku kata ‘memandangkan’ sebagai penghubung dalam struktur ayat penutur bahasa Melayu.

Penggunaan kata ‘memandangkan’ yang digunakan sebagai kata hubung dalam ayat bahasa Melayu yang dijana daripada korpus DBP adalah seperti berikut:

1. Pada masa ini, negara masih bergantung kepada kepakaran tenaga luar memandangkan syarikat tempatan tidak mempunyai kekuatan dalam beberapa bidang yang dianggap canggih. (Akademik, moral wajar seimbang. Nasional, 1996)
2. Tugas mengislahkan masyarakat menuntut pembabitkan seluruh masyarakat memandangkan cabaran dunia moden cuba menghakis dan meminggirkan nilai hidup Islam. (Muhamad Razak Idris. *Umat Islam perlu cipta sendiri model kehidupan*. Agama, 2004)
3. Pada usia berkenaan, Farah masih belum layak membuat keputusan memandangkan perkahwinan bukan perkara yang boleh dipermainkan. (Ketabahan ibu tunggal. Keluarga, 2006)
4. Menurutny, perbelanjaan yang amat tinggi diperlukan jika ingin mengeluarkan semua kandungan benzena daripada petrol yang dipasarkan kepada orang ramai memandangkan benzena

adalah bahan semula jadi yang terkandung dalam petrol. (Salina Abdullah. Petrol tanpa plumbum kekal. Nasional, 1994)

5. PegawaiPendakwa, CifInspektorIkbaalMustafaSahed meminta mahkamah mengenakan hukuman berat memandangkan Chai tidak menyesal atas apa yang dilakukannya. (Mahkamah dan Jenayah, 2005)

Data yang dijana daripada korpus DBP ini merupakan sebahagian kecil daripada ratusan ribu konkordans yang menggunakan kata ‘memandangkan’ sebagai kata hubung dalam binaan ayat bahasa Melayu. Penggunaannya yang begitu lazim sebagai penghubung dalam ayat bahasa Melayu menuntut penjelasan yang munasabah kerana tidak ada sarjana yang menyenaraikan bentuk kata ini sebagai kata hubung gabungan atau pancangan.

Bagi menjelaskan hal ini dari sudut preskriptif, kata ‘memandangkan’ ini perlu ditentukan golongan atau jenis katanya. Hal ini boleh ditentukan berdasarkan makna kamus ‘memandangkan’ yang diberikan oleh Kamus Dewan Edisi Keempat, iaitu i. memikirkan, (apabila) mempertimbangkan atau memperhitungkan dan ii. membuat pertimbangan berdasarkan sesuatu. Contoh ayat yang diberikan pula ialah ‘Memandangkan pengalaman puan selama ini, saya dengan sukacitanya melantik puan sebagai ahli jawatankuasa Kongres Cendekiawan Melayu III; (*Kamus Dewan Edisi Keempat* dlm. <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=memandangkan>)

Definisi yang diberikan oleh *Kamus Dewan* menunjukkan bahawa kata ‘memandangkan’ merupakan entri yang berbeza daripada kata ‘memandang’ dan tidak juga bersusurgalurkan makna teras yang sama dengan kata ‘memandang’ dengan kata dasar ‘pandang’. Hal ini boleh disahkan berdasarkan makna kamus ‘memandang’ yang diberikan KDEK sebagai 1.menggunakan mata utk mengetahui, melihat seraya mengendahkan, memperhatikan, mengamati: 2. Menganggap, 3. memikirkan, mempedulikan, memerhatikan 4. menghormati, menghargai (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, dalam <https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=memandang>).

Berdasarkan makna kata ‘memandangkan’ yang diberikan KDEK, kata ‘memandangkan’ seharusnya dapat berganti secara paradigmatic dalam ayat dengan makna yang diberikan, iaitu ‘memikirkan, (apabila) mempertimbangkan atau memperhitungkan dan ii. membuat

pertimbangan berdasarkan sesuatu. Ujian penggantian ini dapat dilihat seperti yang berikut:

1. (a). Pada masa ini, negara masih bergantung kepada kepakaran tenaga luar memikirkan syarikat tempatan tidak mempunyai kekuatan dalam beberapa bidang yang dianggap canggih.

1(b). Pada masa ini, negara masih bergantung kepada kepakaran tenaga luar (apabila) mempertimbangkan atau memperhitungkan syarikat tempatan tidak mempunyai kekuatan dalam beberapa bidang yang dianggap canggih

1(c). Pada masa ini, negara masih bergantung kepada kepakaran tenaga luar membuat pertimbangan berdasarkan syarikat tempatan tidak mempunyai kekuatan dalam beberapa bidang yang dianggap canggih

Ternyata 1(a) dan 1(b) tidak dapat diterima sebagai ayat yang gramatis bukan sahaja dari segi strukturnya malahan dari segi maknanya juga. Kata ‘memikirkan’ yang merupakan kata kerja dan frasa ‘membuat pertimbangan berdasarkan’ yang merupakan frasa kerja + komp ternyata tidak dapat berfungsi sebagai kata hubung dalam ayat ini. Bagaimanapun, ayat 1 (b) kelihatan dapat diterima kerana adanya ‘apabila’ yang hadir sebagai pilihan dengan kata kerja mempertimbangkan atau memperhitungkan yang digunakan dalam ayat bagi menyatakan maksud ‘memandangkan’. Yang membolehkan ayat 1(b) ini diterima ternyata bukanlah disebabkan oleh kehadiran kata ‘mempertimbangkan’ atau ‘memperhitungkan’ sebaliknya disebabkan oleh kehadiran kata ‘apabila’ yang merupakan kata hubung pancangan keterangan. Ertinya, kata ‘memandangkan’ dalam ayat 1 sebenarnya diwakili oleh ‘(apabila) mempertimbangkan atau memperhitungkan’ dan bukannya sekadar ‘memikirkan’ atau membuat pertimbangan berdasarkan’ yang merupakan kata kerja atau frasa kerja + komp.

Seterusnya, bagi membuktikan bahawa ‘memandangkan’ digunakan dalam ayat 1 – 5 sebagai kata hubung, maka ujian penggantian yang seterusnya dilakukan dengan menggantikan ‘memandangkan’ dengan kata hubung yang bersesuaian, iaitu ‘kerana’.

1(d). Pada masa ini, negara masih bergantung kepada kepakaran tenaga luar kerana syarikat tempatan tidak mempunyai kekuatan dalam beberapa bidang yang dianggap canggih.

2(a). Tugas mengislahkan masyarakat menuntut pembabitan seluruh masyarakat kerana cabaran dunia moden cuba menghakis dan meminggirkan nilai hidup Islam.

3(a). Pada usia berkenaan, Farah masih belum layak membuat keputusan kerana perkahwinan bukan perkara yang boleh dipermainkan.

4(a). Menurutny, perbelanjaan yang amat tinggi diperlukan jika ingin mengeluarkan semua kandungan benzena daripada petrol yang dipasarkan kepada orang ramai kerana benzena adalah bahan semula jadi yang terkandung dalam petrol.

5(a). Pegawai Pendakwa, Cif Inspektor Ikbaal Mustafa Sahed meminta mahkamah mengenakan hukuman berat kerana Chai tidak menyesal atas apa yang dilakukannya.

Ternyata, kata ‘memandangkan’ mendukung fungsi kata hubung pancangan keterangan kerana setiap ayat di atas dapat menerima kata hubung pancangan keterangan ‘kerana’ bagi menggantikan kata ‘memandangkan’. Penggunaan kata hubung ‘kerana’ dalam kesemua ayat di atas membentuk ayat majmuk pancangan keterangan yang mendukung maksud sebab dan akibat. Misalnya, “Syarikat tempatan tidak mempunyai kekuatan dalam beberapa bidang yang dianggap canggih’ menjadi sebab dan ‘negara masih bergantung kepada kepakaran tenaga luar’ ialah akibat. Yang menjadi persoalan ialah kata ‘memandangkan’ tidak pula disenaraikan sebagai satu daripada kata hubung pancangan keterangan oleh Nik Safiah Karim et al. (2010) mahupun Asmah Hj Omar (2015).

Bagaimanapun, penggunaan kata ‘memandangkan’ oleh pengguna awam adalah di luar kawalan siapa pun juga yang mempunyai ilmu dan kuasa dalam ilmu bahasa. Yang perlu difikirkan ialah bagaimanakah ahli bahasa dapat mewajarkan kata ‘memandangkan’ ini sebagai penghubung atau kata hubung keterangan dalam ayat majmuk di atas?

Jika setiap ayat yang menggunakan kata ‘memandangkan’ dikaji dari perspektif deskriptif pula, penggunaan kata ‘memandangkan’ ini harus dilihat dari segi kelazimannya bukan hanya pada zaman moden, malahan perlu juga dilihat penggunaannya pada zaman dahulu. Hal ini penting bagi menjelaskan perubahan makna yang berlaku

dan juga fungsi kata ‘memandangkan’ dalam ayat bahasa Melayu. Dengan kata lain, sejak bilakah penutur Melayu mula menanggap kata ‘memandangkan’ ini sebagai penghubung dalam ayat bahasa Melayu? Dari sudut deskriptif, bukti kelaziman penggunaan sesuatu kata dalam ayat bahasa Melayu sering dijadikan asas bagi menetapkan golongan kata dan fungsinya dalam ayat. Dengan kata lain, apa-apa yang terjana daripada korpus itu menggambarkan cara orang Melayu menggunakan bahasanya (tanpa mengambil kira tahap kognitif dan kemampuan berbahasa yang betul pengguna bahasa Melayu itu). Faktor kelaziman dan kekerapan penggunaan berdasarkan carian konkordans menjadi bukti nyata dalam kajian linguistik terkini (mungkin juga tidak disetujui oleh semua sarjana). Atas sebab ini, maka ‘memandangkan’ turut dijana daripada korpus klasik mcp.anu dan berdasarkan carian daripada 63 teks klasik, hanya 11 konkordans ‘memandangkan’ ditemui, iaitu 4 dalam Hikayat Pahang, 2 dalam Hikayat Abdullah bin `Abdul Kadir dan Hikayat Syah Mardan, 1 dalam Hikayat Bayan Budiman, Hikayat Marakarma (Si Miskin) dan Tuhfat al-Nafis.

6. Pah 10:35 Maka <Yang Maha Mulia> baginda pun sangatlah kasihan memandangkan anak raja teraniaya meninggalkan negeri.
7. Bayan 165:16. terlalu amat sukacita hati ayahanda dan bundanya memandangkan anakanda datang berdua laki-isteri itu, serta dengan
8. Pah 31:5 Chenor. Dukacitalah sekalian ibu bapanya, Haji Husin, memandangkan anaknya yang diharap sudah patah. : Cetera Ketujuh Belas .
9. SMrdn 66:12 ... lakunya memberi pilu dan rawan hati segala yang memandangkan dia. Maka baginda laki isteri pun terlalu hairan
10. SMrdn 63:6 ditentang nyata, memberi pilu hati segala yang memandangkan dia. Maka segala isi istana pun terlalulah hairan melihat
11. Abd.H 273:9 dengan riuh rendah bunyinya. Maka ia pun hairanlah memandangkan hal itu sekalian, maka ia sambil tunduk. Maka segala
12. Abd.H 369:11 . puluh perempuan. Maka adapun mereka itu sekalian memandangkan kelakuan `Abdul Kadir itu demikian: maka jikalau kiranya .
13. Misk 90:41 suaminya. Maka Tuan Puteri kedua pun tertawa seraya memandangkan kepada Nenek Kebayan. Maka Nenek Kebayan pun tertawa

14. [Pah 105:11](#) Endau atau Rompin <bolehlah> saya bagi, kerana saya memandangkan kesusahan dia di Singapura itu. Maka sekarang, saya
15. [TN 119:6](#) saudara sejalan, jadi pada perasaannya. Sementelahnya memandangkan mata paduka anakda kedua seperti Tengku Putih dan Tengku .
16. [Pah 22:27](#) ... Sekalian mereka-mereka sangat sukanya oleh kerana memandangkan tuan penghulu raja sendiri yang datang ini. Tambahan

Berdasarkan data korpus MCP ini, penggunaan kata ‘memandangkan’ mendukung makna yang sama dengan memandang. Contohnya, Maka <Yang Maha Mulia> baginda pun sangatlah kasihan memandangkan anak raja teraniaya meninggalkan negeri. Bukti daripada korpus klasik ini menunjukkan bahawa ‘memandangkan’ tidak digunakan sebagai penghubung sebaliknya berfungsi sebagai inti frasa kerja. Oleh yang demikian, sejak bilakah makna dan fungsi kata ‘memandangkan’ berubah sebagai kata hubung pancangan keterangan dalam ayat dan digunakan dengan begitu lazim oleh pengguna bahasa Melayu perlu dikaji dengan lebih perinci?

Sebagai satu penyelesaian bagi persoalan kata ‘memandangkan’ yang digunakan oleh penutur atau pengguna bahasa Melayu sebagai kata hubung dalam ayat majmuk pancangan keterangan seperti yang dibincangkan di atas, maka, beberapa cadangan dapat dikemukakan di bawah bagi membantu para pendidik menjelaskan hal ini secara praktis dan berpada dalam konteks pengajaran dan pembelajaran aspek nahu bahasa Melayu di institusi pendidikan di Malaysia.

- i. menerima kata ‘memandangkan’ sebagai kata hubung kerana penutur Melayu menggunakan kata ini secara lazimnya sebagai kata hubung dalam ayat (berdasarkan kekerapan konkordans yang dijana daripada pangkalan data DBP).
- ii. menerima kata ‘memandangkan’ sebagai kata hubung kerana wujud juga bentuk kata lain dalam bahasa Melayu yang bersifat dwifungsi. Contohnya ‘dalam’ sebagai kata sendi nama dan juga adjektif, ‘menarik’ sebagai kata kerja dan ‘menarik’ sebagai adjektif.
- iii. menolak kata ‘memandangkan’ sebagai kata hubung kerana ‘memandangkan’ ialah kata kerja dan tidak boleh berfungsi sebagai kata hubung dalam bahasa Melayu.

- iv. menolak ‘memandangkan’ sebagai kata hubung kerana ‘memandangkan’ ialah terjemahan langsung daripada ‘*in view of*’.

Cadangan (iv) merupakan satu penyelesaian yang cukup berasas kerana ‘*in view of*’ diberikan padanan ‘memandangkan’ secara literal dalam ayat yang diterjemahkan oleh penterjemah¹ dan juga aplikasi terjemahan seperti *Google translate*. Hal ini terbukti berdasarkan beberapa ayat yang diterjemahkan oleh aplikasi *Google translate* (padanan yang diberikan dalam *Google translate* juga bersumberkan akal manusia). Dengan kata lain, secara literalnya ‘*in view of*’ diberikan padanan atau ditetapkan sebagai ‘memandangkan’ dalam bahasa Melayu oleh aplikasi *Google translate*. Kemungkinan juga kata ‘memandangkan’ yang berasal daripada kata akar ‘pandang’ atau kata dasar ‘pandangan’ merupakan terjemahan langsung daripada perkataan ‘*view*’ dapat diterima. Contohnya, Kamus Inggeris – Melayu Dewan memberikan definisi bagi kata ‘*view*’ sebagai kata kerja seperti berikut :

- i. *let o’s eye roam across, watch passively*, melihat; (television) menonton;
- ii. *regard, menganggap*, a. *observe, look at*, melihat; b. *watch, observe attentively, actively*, *melihat*.

Bagi terjemahan ‘*in view of*’ pula, padanan yang diberikan ialah:

- i. *in ~ of*, memandangkan: *in ~ of the situation, we have decided not to carry out our plans*, memandangkan situasi itu, kami telah mengambil keputusan utk tdk \melaksanakan rancangan-rancangan kami.
(<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=in+view+of&d=394756&#LIHATSINI>)

Berdasarkan padanan yang diberikan, ternyata aplikasi Google Translate juga memberikan padanan ‘memandangkan’ bagi ‘*in view of*’ seperti contoh yang berikut:

17. *The report states that Malaysia was a “natural choice” for outsourcing in view of its low costs, modern infrastructure, business environment and high levels of global integration.*

(<https://www.bnm.gov.my/-/deputy-governor-s-keynote-address-at-the-shared-services-and-outsourcing-in-the-financial-sector-a-joint-forum-by-bank-negara-malaysia-and-the-multimedia-development-corporation>)

¹ Lihat mana-mana penerbitan dalam dwibahasa yang terdapat di laman sesawang badan kerajaan atau badan berkanun. Contohnya, ayat 17 dan 17 (a) (terjemahannya) diperoleh daripada laman sesawang penerbitan Bank Negara Malaysia.

17(a). Laporan itu menyatakan bahawa Malaysia adalah “pilihan semula jadi” untuk penyumberan luar memandangkan kosnya yang rendah, infrastruktur moden, persekitaran perniagaan dan tahap integrasi global yang tinggi. (Terjemahan oleh <https://translate.google.com.my/>)

Berdasarkan definisi yang diberikan *Cambridge Dictionary* pula, ‘*in view*’ ialah ‘*because of a particular thing, or considering a particular fact*’. Contoh ayat yang diberikan ialah : *In view of the late hour, we’ll have to put off that discussion until our next meeting* (dlm. <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/in-view-of>).

Definisi yang diberikan oleh *Cambridge Dictionary* di atas, didapati bahawa ‘*in view of*’ adalah berbeza dari segi bentuk dan komponen maknanya dibandingkan dengan kata ‘memandangkan’. Sebagai frasa preposisi, ‘*in view of*’ selayaknya dapat berfungsi sebagai adverba atau keterangan dalam ayat bahasa Inggeris kerana frasa ini mendukung komponen makna ‘*because of*’ dan ‘*considering a particular fact*’. Ternyata *because of* ialah (*conjunction*) kata hubung yang dapat menghubungkan frasa atau klausa dan ‘*considering*’ pula merupakan preposisi yang boleh hadir sebagai frasa keterangan (adverba). Hal ini berbeza dengan kata ‘memandangkan’ yang merupakan kata kerja dan tidak sepatutnya berfungsi sebagai kata hubung keterangan dalam ayat bahasa Melayu.

Namun, bagi mewajarkan penggunaan ‘memandangkan’ oleh pengguna awam secara praktis dan objektif, dari sudut deskriptifnya, kata ‘memandangkan’ ini dapat dikatakan berupa kata yang mengalami penguguran pada struktur permukaan. Penguguran dalam penulisan dan pertuturan memang ketara dalam bahasa Melayu. Misalnya, pola ayat keempat dalam bahasa Melayu merupakan contoh ayat yang jelas mengalami penguguran atas sebab kelaziman penggunaan bentuk ayat sebegini oleh penutur bahasa Melayu. Contoh pola ayat keempat adalah seperti berikut:

17. Aminah ke Pulau Pinang.

Ayat 18 sebenarnya berasal daripada pola ayat kedua, iaitu:

18(a). Aminah [pergi/bertolak/berpindah] ke Pulau Pinang.

Dari segi penggunaan, ayat 18 sangat ketara dan lazim digunakan oleh pengguna bahasa Melayu atas alasan pragmatik dan praktis. Hal yang sama diyakini berlaku bagi ayat yang mengandungi ‘memandangkan’ sebagai kata hubung pancangan keterangan. Hal ini dapat dibuktikan dengan menyisipkan kata hubung yang sepatutnya hadir dalam mana-mana ayat tersebut. Contohnya:

19. Tugas mengislahkan masyarakat menuntut pembabitan seluruh masyarakat dengan memandang/melihat (bentuk yang betul) cabaran dunia moden cuba menghakis dan meminggirkan nilai hidup Islam.

Fungsi kata hubung dalam ayat (19) ini kelihatan lebih jelas apabila bahagian keterangan dikedepankan untuk tujuan penegasan atau penekanan. Misalnya:

19(a). Dengan memandang/melihat (bentuk yang betul) cabaran dunia moden cuba menghakis dan meminggirkan nilai hidup Islam, tugas mengislahkan masyarakat menuntut pembabitan seluruh masyarakat.

Penjelasan sebegini ternyata dapat membantu meleraikan persoalan penggunaan kata ‘memandang’ sebagai kata hubung pancangan keterangan yang jelas tidak dapat dielakkan lagi dalam penulisan dan pertuturan pengguna bahasa Melayu. Hal ini selaras dengan pandangan dan pendekatan Nik Safiah Karim et al. (2010: xliii) yang menjelaskan secara terbuka bahawa konsep ayat yang dipegang dalam buku Tatabahasa Dewan ialah konsep struktur permukaan. Pendirian ini diambil oleh para penulis Tatabahasa Dewan kerana buku ini ditujukan kepada pembaca umum yang menggunakan dan memahami struktur bahasa lebih banyak pada tahap struktur permukaan daripada tahap struktur dalaman. Maka, bentuk permukaan ‘memandangkan’ yang kemungkinan berasal daripada bentuk dalaman ‘dengan memandang (yang sepatutnya)’ dapat diwajibkan penggunaannya dalam konteks penulisan dan lisan pengguna bahasa Melayu.

Penjelasan yang diberikan berdasarkan ayat 19 (a) juga ternyata tidak bertentangan dengan pendekatan dan pandangan Asmah Hj Omar (2015) (mewakili pendekatan deskriptif) yang mengambil kira komponen-komponen makna ciri-ciri budaya, kognitif dan penggunaan sesuatu bentuk bahasa dalam kehidupan sehari-hari. Ertinya, ‘memandangkan’ sebagai kata hubung ini ialah bentuk lazim yang digunakan oleh penutur bahasa Melayu atas alasan maksudnya

difahami dan disepakati secara konvensional oleh pengguna bahasa Melayu seluruhnya. Asmah Hj Omar (2015: 328) juga tidak menolak wujudnya pengguguran dalam struktur frasa atau klausa, misalnya dalam frasa kerja sebab. Dalam frasa kerja sebab, dan akibat, kata keterangan yang terdiri daripada kata kerja atau kata sifat merujuk 'sebab' manakala intinya terdiri daripada kata kerja yang lazimnya kata kerja tak transitif, merujuk akibat. Contoh yang diberikan Asmah Hj Omar ialah *cerai mati*, *mabuk cinta*, *gila talak*, *kenduri selamat* dan *demam panas*. Jelas Asmah, ungkapan-ungkapan tersebut boleh ditafsirkan sebagai '*cerai kerana mati (kematian)*, *mabuk kerana cinta*, *gila kerana talak (bercerai)* dan sebagainya. Hal yang sama berlaku dalam frasa kerja tempat yang keterangannya kata nama yang merujuk tempat. Contohnya *mandi laut*, *sakit jantung*, dan *main hujan* yang dikatakan kata keterangannya ialah frasa preposisi seperti *mandi di laut*, *sakit di jantung*, dan *main dalam hujan*. Lama kelamaan, kata depan (preposisi) ini gugur daripada penggunaannya. Contoh lain ialah frasa kerja peristiwa dengan keterangan kata nama, misalnya *bebas cukai*, *buta huruf* dan *buta warna*. Asalnya, ungkapan ini terdiri daripada keterangan preposisi juga, iaitu *bebas daripada cukai*, *buta dalam hal huruf* dan *buta dalam hal warna*.

Oleh itu, tidak salah bagi perbincangan ini merumuskan hal yang sama tentang 'memandangkan' yang digunakan sebagai kata hubung dalam ayat majmuk pancangan keterangan sebagai bentuk yang mengalami pengguguran juga. Rumusan ini difikirkan berpada dan praktis bagi membolehkan para pendidik bahasa Melayu memahami fenomena 'memandangkan' yang digunakan sebagai kata hubung pancangan keterangan walaupun hakikatnya kata ini merupakan golongan kata kerja.

KESIMPULAN

Penggunaan kata 'memandangkan' sebagai kata hubung dalam ayat majmuk pancangan keterangan merupakan satu persoalan yang belum ditangani oleh mana-mana sarjana sebelum ini walaupun kata ini jelas sekali bukan kata hubung yang disenaraikan oleh sarjana nahu bahasa Melayu dalam mana-mana buku tatabahasa Melayu sebelum ini. Oleh itu, penggunaannya yang sangat ketara dan lazim oleh pengguna bahasa Melayu perlu dibincangkan dan dijelaskan dengan berpada agar satu kesimpulan dapat dibuat tentang golongan kata ini dengan

mengambil kira semua pendekatan dan pandangan daripada perspektif preskriptif dan deskriptif yang berkemungkinan tentang hal ini. Berdasarkan perbincangan yang dibuat dalam bahagian analisis dan perbincangan di atas, kata ‘memandangkan’ dapat diterima sebagai kata hubung pancangan keterangan dengan alasan bahawa bentuk kata ini digunakan pada struktur ayat permukaan (selaras dengan pendekatan Nik Safiah Karim et al., 2010) dan berlaku pengguguran kata depan (menurut Asmah Hj Omar). Kesimpulan ini membolehkan satu kesimpulan yang empiris dan munasabah dapat diberikan kepada para pendidik dalam memahami para pelajar tentang penggunaan kata hubung bahasa Melayu (Rozita Che Rodi, 2022).

RUJUKAN

- Abdullah Hassan. (1993). *Tatabahasa pedagogi Bahasa Melayu*. Utusan Publication Distributors Sdn. Bhd.
- Adilah Buhari, & Hasmidar Hassan. (2021). Penggunaan kata hubung ‘tetapi’ oleh kanak-kanak prasekolah. Dlm. Norsimah Mat Awal dan Marlyna Maros (Eds.), *Kajian pragmatik dalam konteks Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Aminnudin Saimon, & Nor Aisyah Hafiza Tazudin. (2022). Leksis gender dalam novel A. Samad Said: Satu analisis medan semantik. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 1, 51-84. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.2>
- Asmah Hj. Omar. (2015). *Nahu Melayu mutakhir (Edisi Kelima)*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Blakemore, D. (1987). *Semantic constraints on relevance*. Oxford: Blackwell.
- Blakemore, D. (1988). “‘So’ as a constraint on relevance.” In R.M. Kempson (Ed.), *Mental Representations: The Interface between Language and Reality* (p.p 28-51). Cambridge University Pres.
- Blakemore, D. (1989). Denial and contrast: A relevance theoretic analysis of *but*. *Linguistics and Philosophy*, 12, 15-37.
- Blakemore, D. (2000) Indicators and procedures: *Nevertheless and but*. *Journal of Linguistics*, 36(3), 463-486.
- Blakemore, D. (2003). Re-visiting procedural meaning: ‘but’, ‘however’ & ‘nevertheless’. Paper delivered at *Georgetown University Round Table on Languages and Linguistics (GURT 2003)*.
- Blakemore, D. (2005). *and*-parentheticals. *Journal of Pragmatics*, 37, 1165-1181.

- Blakemore, D., & Carston, R. (1999). The pragmatics of *and*-conjunctions: The non-narrative cases. *UCL Working Papers in Linguistics*, 11, 1-20.
- Blass, R. (1989a). Grammaticalisation of Interpretive Use: The Case of *re* in Sissala. *Lingua*, 79, 229-236.
- Blass, R. (1989b). Pragmatic effects of coordination: The case of “and” in Sissala. *UCL Working Papers in Linguistics* 1. University College London.
- Cambridge Dictionary. Definisi ‘*In View of*’. Dicapai daripada <https://dictionary.cambridge.org/dictionary/english/in-view-of>
- Hasmidar Hassan. (2006). *Kata hubung DAN dan TETAPI: Satu analisis perbandingan nahu dan pragmatik*. (Tesis Kedoktoran). Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Hasmidar Hassan. (2011). *Kata hubung “Dan” dan “Tetapi” dari sudut Pragmatik*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasmidar Hassan, & Siti Nadhirah Abdul Ghani. (2020). Penggunaan kata hubung ‘tetapi’ dan ‘malah/malahan’ secara berkait dengan ungkapan penafian ‘bukan sahaja’ dari sudut nahu dan makna. Dlm. Hasmidar Hassan & Puteri Roslina Abdul Wahid (Eds.), *Kecendekiaan Melayu melalui bahasa, sastra dan budaya: Sumbangsih untuk Prof. Emeritus Datuk Dr Nik Safiah Karim* (hlm. 101-121). Penerbit Universiti Malaya.
- Higashimori, I. (1992a). Except, but and relevance theory. *English Literature Review*, 36, 62-108.
- Higashimori, I. (1992b). Review article *Mental representations: The interface between language and reality*. *English Linguistics*, 9, 335-356.
- Higashimori, I. (1995a). A relevance-theoretic analysis of EVEN, SAE / SURA / MO / TEMO / DEMO / DATTE / MADE. *English Literature Review*, 38, 51-80.
- Higashimori, I. (1995b). Correlation of discourse connectives: A relevance-theoretic account. *English Literature Review*, 39, 48-88.
- Higashimori, I. (1997b). EVEN, SAE / SURA / MO as constraints on contextual assumptions.” In W. A. Liebert (Ed.), *Discourse and Perspectives in Cognitive Linguistics (Current Issues in Linguistic Theory 151)*. John Benjamins.
- Higashimori, I. (2003b). Grammaticalization of discourse connectives: From conceptual to procedural meaning. *The Ryukoku Ronshu* n. 461 (The Journal of Ryukoku University), 21-45.
- Iten, C. (1997). Because and although *Linguistics: A case of duality?* *UCL Working Papers in Linguistics*, 9, 55-76.

- Iten, C. (1998). The meaning of *although*: A relevance theoretic account. *UCL Working Papers in Linguistics*, 10, 81-108.
- Iten, C. (1999). Exercising constraint: The role of non-truth-conditional connectives in discourse. *Ninth International Colloquium on Cognitive Science (ICCS-99)*, University of Basque Country, Spain.
- Iten, C. (2000). *Although revisited*. *UCL Working Papers in Linguistics*, 12, 65-95.
- Iten, C. 2002. Even if and even: The case for an inferential scalar account. *UCL Working Papers in Linguistics*, 14, 119-156.
- Iten, C. (2003). Lexical pragmatics and procedural meaning. The case of *but*. *8th International Pragmatics Conference*. Toronto.
- Kamus Dewan (Edisi Keempat). (n.d). Definsi Memandangkan. Dicapai daripada <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=memandangkan>
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (n.d). Definsi Memandang. Dicapai daripada <https://prpm.dbp.gov.my/Caril?keyword=memandang>
- Mohd Razif Abd. Kadir. (2007). Deputy Governor's Keynote Address at the Shared Services and Outsourcing in the Financial Sector - A Joint Forum by Bank Negara Malaysia and the Multimedia Development Corporation. Dicapai daripada [Deputy Governor's Keynote Address at the Shared Services and Outsourcing in the Financial Sector - A Joint Forum by Bank Negara Malaysia and the Multimedia Development Corporation - Bank Negara Malaysia \(bnm.gov.my\)](http://www.bnm.gov.my/Deputy-Governor-s-Keynote-Address-at-the-Shared-Services-and-Outsourcing-in-the-Financial-Sector-A-Joint-Forum-by-Bank-Negara-Malaysia-and-the-Multimedia-Development-Corporation)
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Haji Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2010). Nurul Huda Mohd Saad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2020). Imbuhan meN- dengan kata nama konkrit unsur alam: Analisis teori relevans. *Gema Online: Journal of Language Studies*, 20(3), 136-155. <http://dx.doi.org/10.17576/gema-2020-2003-09>
- Rouchota, V. (1989). *A Relevance Approach to 'But' in Greek* (MA Thesis). London University College.
- Rouchota, V. (1990). But: Contradiction and relevance. *UCL Working Papers in Linguistics*, 2, 441-475.
- Rouchota, V. (1996). Discourse connectives: What do they link? *UCL Working Papers in Linguistics*, 8, 199-212.
- Rouchota, V. (1998). Connectives, coherence and relevance. In V. Rouchota, & A. Jucker (Eds.), *Current Issues in Relevance Theory* (p.p 11-58). Amsterdam: John Benjamin.
- Rozita Che Rodi. (2022). Hati budi Melayu sebagai simbol peradaban masyarakat: Analisis kata fokus "Ilmu" berdasarkan teori medan makna. *RENTAS: Jurnal Bahasa, Sastra dan Budaya*, 1, 157-180. <https://doi.org/10.32890/rentas2022.1.6>
- Tatabahasa Dewan* (Edisi Ketiga). Dewan Bahasa dan Pustaka.